

29/03/2004

Suara warga Kelantan lebih rancak, lantang

Zulkifli Md Ali

ALHAMDULILLAH. Begitulah pengucapan kesyukuran rakyat Kelantan berikutan pelantikan tiga tokoh pemimpin dari negeri Cik Siti Wan Kembang pada peringkat nasional iaitu Datuk Mustapa Mohamed sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Datuk Dr Awang Adek Hussin sebagai Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah serta Sazmi Miah sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Bagi yang tidak tahu bersyukur, mereka sentiasa mempersoalkan tiga jawatan diberikan sebagai tidak seberapa kerana menganggap ia tidak dapat membantu pembangunan negeri, sedangkan Barisan Nasional (BN) menerusi manifesto utama serta tambahan peringkat negeri merancang sesuatu yang terbaik jika parti komponen itu merampas Kelantan daripada Pas.

Jika berdiri pada pihak orang tamak, kita mungkin berpendapat apalah yang boleh dibuat tiga tokoh itu untuk Kelantan, tetapi jika kita golongan yang sentiasa bersyukur, pelantikan itu adalah rahmat besar bagi rakyat Kelantan.

Selain pelantikan itu, perkara lebih menarik adalah Mustapa (Tok Pa) yang juga Ahli Parlimen Jeli bertaraf menteri, bertindak sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Air Lanas dalam Parlimen Jeli.

Orang paling beruntung ialah penduduk Air Lanas kerana selain mempunyai wakil di sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), mereka juga diwakili Tok Pa ke Dewan Rakyat sebagai Ahli Parlimen.

Selain rakyat Jeli, Machang dan Bachok yang mempunyai wakil masing-masing di Dewan Rakyat bertaraf sekurang-kurangnya setiausaha Parlimen, penduduk Kota Bharu, Ketereh, Tanah Merah, Kuala Krai dan Gua Musang, turut mempunyai wakil masing-masing.

Kawasan lain seperti Tumpat, Pengkalan Chepa, Pasir Mas, Rantau Panjang, Kubang Kerian dan Pasir Puteh juga mempunyai wakil tetapi bertindak sebagai pembangkang.

Pelantikan Mustapa, Dr Awang Adek dan Sazmi seharusnya dilihat secara positif kerana peranan mereka cukup besar bagi pembangunan Kelantan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Mustapa contohnya, dengan pengalaman mengetuai Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan bekas Menteri Kewangan Kedua (Kabinet bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad) pastinya tugas di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan pengkhususan kepada Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICU) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), membolehkan beliau merancang sesuatu bagi pembangunan untuk negara dan Kelantan khususnya.

Sebagai pakar ekonomi negara, pernah menjadi Timbalan Gabenor Bank Negara dan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Dr Awang Adek juga pasti menyumbang sesuatu untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat Kelantan amnya, Bachok kawasan yang diwakilinya, khususnya.

Sazmi pula ketika dihubungi berkata, tanggungjawab yang diberikan dalam Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar itu boleh memantau kegiatan sumber asli dan alam sekitar Kelantan seperti pembalakan tanpa kawalan oleh kerajaan Pas hingga menjejaskan alam semula jadi, selain pemantauan di seluruh negara.

Lebih menarik ialah peranan Mustapa kerana selain menjadi menteri Pusat, beliau bakal menjadi ketua pembangkang pada sidang DUN Kelantan.

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan Adun Pas Kelantan akan melihat Mustapa dalam dua perspektif iaitu sebagai menteri dan satu lagi sebagai pembangkang.

Pastinya ketika hangat berhujah, sesekali Exco dan Adun Pas mahu mengemukakan permohonan meminta itu dan ini untuk kerajaan negeri, maklum saja sebagai menteri yang dianggap boleh membuat keputusan, mereka mengambil kesempatan mendapatkan keputusan atau kelulusan secara langsung.

"Tapi takkan Tok Pa hendak membuat keputusan atas tiket menteri dalam DUN yang diketuai kerajaan Pas Kelantan. Saya rasa, Tok Pa akan ketepikan status menteri ketika menghadiri sidang DUN, sebaliknya bertindak sebagai barisan pembangkang berwibawa.

"Kalau hendak minta itu dan ini daripada Tok Pa, lebih baik serahkan pentadbiran negeri kepada BN," kata seorang pemerhati politik yang juga calon BN pada pilihan raya umum baru-baru ini.

Sazmi berkata, beliau yakin dengan pengalaman luas dan kepakaran dalam bidang ekonomi, Mustapa menjadi pihak yang dapat melihat serta memantau sistem kewangan negeri sama ada diurus secara berhemah atau tidak.

Yang pasti, kehadiran lapan pemimpin dari Kelantan di Dewan Rakyat, suara rakyat akan disampaikan secara bijaksana bagi menyelesaikan masalah mereka yang terus mendapat perhatian Pusat dan pada peringkat DUN pula, suara 21 wakil rakyat BN akan menjadi lebih rancak lagi dengan penghujahan dan berdebat mengenai sesuatu isu, khususnya mereka yang pernah bertugas di Pusat.